



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



KEBERKESANAN PEMBELAJARAN TERADUN TERHADAP
AMALAN MORAL MURID SEKOLAH RENDAH

*THE EFFECTIVENESS OF BLENDED LEARNING IN ENHANCING MORAL
PRACTICES AMONG PRIMARY SCHOOL STUDENTS*

Maziah Ismail^{1*}, Nadarajan Thambu²

¹ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

Email: cikguziesmile@gmail.com

² Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia.

Email: nada@fsk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 19.06.2025

Revised date: 15.07.2025

Accepted date: 25.08.2025

Published date: 19.09.2025

To cite this document:

Ismail, M., & Thambu, N. (2025). Keberkesanan Pembelajaran Teradun Terhadap Amalan Moral Murid Sekolah Rendah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (59), 915-932.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059066

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik keberkesanan pembelajaran teradun dalam Pendidikan Moral bagi meningkatkan amalan moral dalam kalangan murid sekolah rendah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian tindakan. Data dikumpul melalui kaedah temu bual, pemerhatian dalam bilik darjah dan catatan jurnal bagi memperoleh data secara mendalam. Data diperolehi daripada 12 orang murid di tiga buah sekolah rendah. Data yang dikumpul daripada ketiga-tiga kaedah ini dianalisis secara teknik analisis tema. Hasil kajian menunjukkan bahawa pembelajaran teradun dapat meningkatkan kesedaran moral, pemikiran reflektif dan kemahiran menyelesaikan konflik moral dalam kalangan murid. Ternyata kajian ini menyerlahkan keberkesanan pembelajaran teradun sebagai alternatif bagi mendorong murid untuk menghayati dan mengamalkan nilai moral dalam kehidupan seharian. Kajian ini memberikan implikasi penting terhadap pedagogi Pendidikan Moral sekolah rendah yang mana pembelajaran teradun berpotensi memperkukuhkan pemahaman dan amalan moral murid. Sehubungan dengan itu, kajian ini mencadangkan agar pembelajaran teradun diterapkan secara meluas dalam Pendidikan Moral, khususnya sekolah rendah sebagai usaha membentuk generasi berakhlak serta mencapai matlamat Pendidikan Moral seperti mana yang digariskan dalam Dokumen Standard Sekolah Rendah.

Kata kunci:

Pembelajaran Teradun, Pendidikan Moral, Nilai Moral, Amalan Moral

Abstract:

This study aims to investigate the effectiveness of blended learning in Moral Education to enhance moral practices among primary school pupils. The study employs a qualitative approach using an action research design. Data were collected through interviews, classroom observations, and journal entries to obtain in-depth insights. A total of 12 pupils from three primary schools participated in this study. The data gathered from all three methods were analysed using thematic analysis techniques. The findings show that blended learning enhances pupils' moral awareness, reflective thinking, and skills in resolving moral conflicts. This study highlights the effectiveness of blended learning as an alternative approach to encourage pupils to internalise and practise ethical values in their daily lives. This study offers significant implications for the pedagogy of Moral Education in primary schools, suggesting that blended learning has the potential to strengthen pupils' understanding and practice of moral values. Therefore, the study recommends that blended learning be widely implemented in Moral Education, particularly at the primary school level, as a means to nurture morally upright individuals and achieve the objectives of Moral Education as outlined in the Primary School Standard Curriculum Document.

Keywords:

Blended Learning, Moral Education, Moral Values, Moral Practices

Pendahuluan

Dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang membawa perubahan besar dalam landskap pendidikan abad ke-21, pendekatan pengajaran dan pembelajaran perlu bersifat dinamik, bersepadu dan bersesuaian dengan perkembangan teknologi serta keperluan murid. Salah satu pendekatan yang semakin mendapat perhatian dalam dunia pendidikan ialah pembelajaran teradun (*blended learning*), iaitu gabungan antara kaedah pengajaran bersemuka dan dalam talian yang saling melengkapi (Anthony et al., 2021; Ahmad Zaki et al., 2020; Krismadinata et al., 2020). Kaedah ini bukan sahaja memperkukuh pemahaman murid terhadap kandungan pelajaran, malah turut berperanan penting dalam menyemai nilai murni dan membentuk amalan moral yang positif dalam diri mereka.

Dalam konteks Pendidikan Moral sekolah rendah, penguasaan aspek pengetahuan sahaja tidak memadai untuk melahirkan murid yang benar-benar berakhlak mulia malah berperanan penting dalam membentuk jati diri, sahsiah, dan nilai murni dalam kalangan murid. Oleh itu, pendekatan baharu diperlukan bagi menjamin keberkesanan proses pengajaran nilai secara menyeluruh dan berkesan (DSKP Pendidikan Moral Tahun 4, 2018). Dengan ini, penekanan perlu diberikan terhadap penghayatan dan pengamalan nilai moral dalam kehidupan seharian. Justeru, penerapan pembelajaran teradun dilihat mampu menjadi alternatif yang sesuai dalam menyokong pembentukan amalan moral murid melalui penglibatan aktif, refleksi sendiri serta interaksi sosial yang lebih bermakna (Wijayanti et al., 2019). Tambahan pula, pembelajaran teradun dapat menyediakan ruang yang fleksibel bagi guru untuk menyesuaikan strategi pengajaran dengan keperluan murid yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan tahap penguasaan. Ini selari dengan kajian oleh Nor Saadah dan Nik Mohd Rahimi (2022) yakni satu kaedah pedagogi yang menjadi amalan warga pendidik ialah pembelajaran teradun (*blended*

learning), iaitu gabungan antara pengajaran bersemuka dan secara dalam talian secara terancang dan sistematik yang bertujuan mewujudkan pembelajara bermakna dan menyeronokkan. Selain daripada itu, proses Pengajaran dan Pemudahcaraan(PdPc) yang kreatif, serta menyeronokkan dapat mengembangkan lagi minda murid untuk memproses maklumat yang diajar (Nordin et al., 2023). Jelaslah, gabungan teknologi seperti video, kuiz interaktif, dan platform pembelajaran digital, murid dapat mengikuti sesi pembelajaran yang lebih menarik, berpusatkan murid, dan sekaligus menggalakkan pembentukan sikap positif serta pemikiran reflektif yang berkaitan dengan nilai moral (Simah et al., 2021).

Kajian ini turut berasaskan Teori Konstruktivisme Vygotsky (1978) yang diaplikasi dalam sesi pembelajaran teradun. Ini kerana proses pembelajaran yang paling berkesan apabila guru atau rakan sebaya membantu murid yang berada di Zon Perkembangan Proksimal melalui sokongan yang bersesuaian untuk membina pengetahuan baharu. Apabila murid dapat membina pengetahuan baharu melalui pengalaman pembelajaran yang bermakna, sekali gus mencapai objektif pembelajaran dengan lebih berkesan. Kajian Saputro et al. (2020) murid bekerjasama dalam kumpulan untuk berkongsi pendapat, mencari maklumat, membuat perkaitan antara pengetahuan sedia ada dengan masalah dan berusaha menyelesaikan masalah bersama-sama.

Ringkasnya, kajian ini bertujuan bagi meneliti keberkesanan pelaksanaan pembelajaran teradun dalam memupuk amalan murid sekolah rendah khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Moral. Fokus utama kajian ini adalah untuk meneroka bagaimana kaedah pembelajaran teradun mampu menyumbang kepada perubahan tingkah laku dan pembentukan sikap moral murid secara praktikal, konsisten dan berkesan dalam jangka masa panjang.

Pernyataan Masalah

Guru bukan sahaja berperanan sebagai penyampai ilmu, malah turut berfungsi sebagai suri teladan yang membimbing pembentukan sahsiah murid melalui tingkah laku, pertuturan dan nilai yang dipamerkan dalam interaksi harian. Dalam konteks pendidikan moral, peranan ini menjadi lebih signifikan kerana guru menjadi contoh utama dalam mengaplikasikan nilai-nilai murni secara langsung dan konsisten, sekali gus mempengaruhi pemikiran, sikap serta tindakan murid dalam kehidupan seharian. Mengikut Mohd Aizat dan Kamarudin (2020) guru berperanan sebagai agen bagi membantu meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia dari semasa ke semasa. Namun begitu, dapatan daripada kajian lepas menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran guru masih berpusatkan murid dan kurang berkesan dalam menarik minat murid, khususnya mata pelajaran Pendidikan Moral. Ini membatasi peluang murid untuk terlibat secara aktif dalam sesi pembelajaran, kerana masih terdapat guru yang mengamalkan kaedah tradisional serta bergantung sepenuhnya kepada buku teks sebagai sumber utama tanpa memanfaatkan penggunaan teknologi dan kaedah interaktif secara menyeluruh dalam pengajaran. Akibatnya, murid menjadi pasif, kurang terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran, dan gagal mengaitkan kandungan pembelajaran dengan konteks kehidupan sebenar, khususnya dalam pendidikan nilai dan amalan moral.

Kajian oleh Bawani (2022) mendapati bahawa pengamalan kaedah pengajaran tradisional oleh guru Pendidikan Moral menyebabkan murid menjadi pasif dan wujudnya komunikasi sehalu antara guru dengan murid. Akibatnya, murid hanya mendengar serta menghafal fakta-fakta yang diberikan oleh guru semata-mata, yakni tidak melibatkan sesi penerangan serta perbincangan. Ini menyebabkan guru tidak memberi ruang untuk murid menyuarakan pandangan mereka, sama ada secara individu mahupun secara kelas. Selain daripada itu,

didapati segelintir guru yang mengamalkan teknik menyalin nota berkaitan dengan nilai-nilai moral tanpa melibatkan sesi perkongsian idea antara murid dengan guru. Dengan kebergantungan sepenuhnya kepada guru, bukan sahaja mengehadkan kreativiti dan keberkesanan penyampaian ilmu, malah mengurangkan impak peranan guru sebagai sumber utama pengetahuan, pemudah cara, serta pencetus pemikiran kritis dalam kalangan murid. Kesan daripada amalan pengajaran yang tidak bermakna serta sehala dalam penyampaian, menjejaskan usaha untuk menerapkan nilai moral secara mendalam, kontekstual serta bermakna, sekali gus menyukarkan pembentukan sahsiah murid yang selari matlamat Pendidikan Moral sekolah rendah.

Manakala kajian oleh Yap et al. (2021) mendapati terdapat kekangan oleh guru dalam pelaksanaan kaedah pengajaran secara efektif yang mengakibatkan penerapan nilai-nilai moral terhadap murid tidak dapat dicapai. Ini selari dengan kajian oleh Ravendran dan Daud (2020) mendapati bahawa guru yang tidak menguasai pelbagai kemahiran teknologi untuk menyediakan keperluan dalam sesi pembelajaran mengakibatkan sesi pembelajaran menjadi kaku serta kurang berkesan. Ini kerana sesi pengajaran yang dilaksanakan oleh guru masih lagi secara konvensional, bahan bantu mengajar yang digunakan adalah secara minimum, tanpa memperkenalkan elemen teknologi yang dapat memperkaya pengalaman pembelajaran serta meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pemahaman murid. Ini disokong oleh kajian Abdul et al. (2019) yang mendapati segelintir guru tidak melaksanakan PdPc yang menarik dan menyeronokkan, sebaliknya lebih menumpukan kepada pendekatan '*chalk and talk*' yang membosankan serta menyebabkan murid tidak memberi tumpuan sepenuhnya semasa sesi pengajaran. Akibat daripada itu, murid gagal menguasai nilai-nilai moral disebabkan kaedah penyampaian oleh guru yang kurang berkesan dalam sesi pembelajaran. Dengan permasalahan ini, memberi kesan negatif di mana tahap motivasi murid semakin menurun terutamanya penguasaan nilai-nilai moral seperti mana yang terkandung dalam kurikulum Pendidikan Moral Sekolah Rendah .

Akhirnya, kegagalan dalam penerapan dimensi moral iaitu amalan moral secara konsisten dalam kalangan murid berlaku yang turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain seperti iklim bilik darjah, pengaruh rakan sebaya serta tahap sokongan daripada ibu bapa. Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk meneliti dan memperkasa pendekatan yang lebih berfokuskan murid serta merangsang kebolehan berfikir aras tinggi dalam pendidikan moral. Sesungguhnya, kesepaduan pelbagai elemen yang dibentuk bertujuan membangunkan modal insan bagi menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, di samping memiliki pengetahuan yang luas, keterampilan, serta mampu berfikir secara kritis, kreatif, dan inovatif selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (DSKP, Pendidikan Moral, 2018).

Sorotan Literatur

Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran yang digubal dalam sistem pendidikan negara yang berperanan melahirkan insan yang bukan sahaja cemerlang dalam aspek akademik, tetapi juga mempunyai jati diri, nilai murni dan sahsiah terpuji. Dalam konteks pendidikan sekolah rendah, mata pelajaran Pendidikan Moral bertujuan membina asas kukuh dalam perkembangan emosi, sosial, dan etika murid sejak peringkat awal persekolahan. Melalui pendekatan yang terancang dan menyeluruh, murid dididik untuk memahami serta menghayati nilai-nilai moral dengan lebih mendalam bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan secara beretika dan bertanggungjawab (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Kajian oleh Yusof et al. (2018) menunjukkan bahawa pendidikan moral di Malaysia bertujuan membangunkan nilai-nilai

moral murid bagi menghadapi dunia yang semakin mencabar. Sehubungan itu, proses penerapan domain moral seperti penaakulan moral, perlakuan moral dan emosi moral dalam kalangan murid sekolah rendah menjadi fokus utama dalam usaha melahirkan individu yang berakhlak mulia, selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.


Dengan ini, pembelajaran yang berkesan dan berkualiti bertujuan untuk membentuk insan berakhlak mulia yang dapat dicapai apabila ketiga-tiga dimensi moral diterapkan secara sistematik dalam proses pendidikan. Oleh itu, hubungan antara dimensi moral, sama ada secara langsung atau tidak langsung, amat penting dalam melahirkan murid yang berwatakan positif dan bersahsiah tinggi. Dengan ini, pengajaran nilai dalam Pendidikan Moral berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan buku teks di sekolah, berfokus kepada tiga aspek moral yang saling berkaitan: penaakulan moral, perasaan moral, dan perlakuan moral (Lickona, 1991, 1993, 1996). Kesemua elemen ini merupakan komponen penting dalam ekosistem pembelajaran teradun yang menyokong pencapaian aspirasi seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Negara dan DSKP Pendidikan Moral Sekolah Rendah.

Natijah daripada itu, peranan guru bukan sahaja sebagai penyampai ilmu semata-mata tetapi juga sebagai contoh teladan dalam tingkah laku harian dan perlu mengaitkan nilai-nilai moral dengan memastikan murid bukan sahaja memahami nilai-nilai tersebut dalam bilik darjah, tetapi juga mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Terence dan Kerry (2018) dalam kajian mendapati bahawa budaya sekolah yang positif dapat membantu murid memahami dan menghayati nilai moral secara menyeluruh. Selain itu, aspek pedagogi pendidikan turut memainkan peranan penting dalam memastikan pembinaan sahsiah dan personaliti murid secara holistik. Dalam hal ini, guru bertindak sebagai agen perubahan yang kreatif dan kritis, seperti yang ditegaskan oleh Muhammad Iqbal dan Noorzaid (2018). Pendekatan pedagogi yang terancang dan berpusatkan murid mampu memastikan keberkesanan proses pendidikan moral, sekali gus melahirkan generasi yang beretika dan bertanggungjawab selaras dengan matlamat pendidikan moral sekolah rendah. Seterusnya, pembentukan insan berakhlak mulia dicapai melalui peranan guru sebagai fasilitator dengan menggabungkan ketiga-tiga dimensi moral semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Dalam kajian ini, Teori Konstruktivisme Vygotsky diaplikasikan iaitu perkembangan dan pembelajaran murid diperkukuhkan melalui interaksi sosial dengan persekitaran mereka. Dalam sesi pembelajaran teradun, murid belajar bukan hanya dengan meneroka persekitaran, tetapi juga melalui interaksi semasa pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, interaksi sosial dan persekitaran sangat penting dalam membantu murid untuk mencapai potensi maksimum, dengan sokongan daripada pengetahuan sedia ada. Apabila murid berada dalam Zon Perkembangan Proksimal (*ZPD*), mereka membina pengetahuan baharu dengan bantuan rakan sebaya dan sokongan lain. Kajian oleh Raeves (2019) turut menyokong pandangan ini dengan menyatakan bahawa hubungan sosial murid dengan rakan sebaya, ibu bapa, dan guru merupakan asas pembelajaran dan perkembangan pada peringkat awal. Oleh itu, berdasarkan teori ini, dapat disimpulkan bahawa elemen penting dalam kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran adalah komunikasi yang efektif antara rakan sebaya, guru, bahan sokongan dan persekitaran. Ini menunjukkan bahawa perkembangan murid tidak boleh dipisahkan daripada aktiviti sosial dan budaya yang membantu mereka membina idea baharu dan mencapai perubahan tingkah laku yang positif.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kajian tindakan iaitu satu prosedur sistematik yang diaplikasikan oleh guru dalam konteks sekolah, khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kaedah ini bertujuan untuk meneroka pengetahuan baharu, mengkaji serta memperbaiki amalan pengajaran sedia ada. Sehubungan itu, reka bentuk kajian tindakan dipilih kerana paling sesuai untuk kajian ini memandangkan kaedah pembelajaran teradun boleh dilaksanakan dalam beberapa fasa gelungan sehingga kaedah tersebut terbukti berkesan dan sesuai digunakan bagi mencapai matlamat pembelajaran murid. Penyelidik menjalankan proses merancang, melaksana dan memerhati serta merefleksi bagi setiap gelungan (Rajah 1). Hanya tiga gelungan sahaja dilaksanakan yang bertujuan untuk memastikan skop kajian kekal terfokus, terkawal dan tidak berkembang menjadi terlalu luas atau kompleks (Nadarajan, 2023). Ini bertepatan dengan kerangka pelaksanaan kajian yang dirangka oleh penyelidik yang bertujuan untuk mengumpul data bagi menjawab persoalan kajian dengan lebih tepat.



Rajah 1: Prosedur Kajian Tindakan

Sumber: Diubahsuai daripada Nadarajan (2023)

Kajian ini dilaksanakan melalui tiga sesi pembelajaran teradun yang melibatkan tiga set Rancangan Pelajaran Harian bagi mata pelajaran Pendidikan Moral Tahun Empat. Tempoh kajian adalah selama 14 minggu sahaja. Seterusnya, kutipan data melalui sesi temu bual, sesi pemerhatian, dan penulisan jurnal oleh murid dilaksanakan selepas selesai setiap gelungan. Namun begitu, sebelum kajian dilaksanakan, setiap murid dibekalkan dengan buku catatan jurnal yang berperanan sebagai instrumen refleksi, bagi merekodkan pengalaman murid sepanjang kajian dijalankan. Akhir sekali, sesi refleksi dijalankan selepas selesai setiap gelung, dan penambahbaikan daripada sesi refleksi dilaksanakan dalam gelung seterusnya yakni Pelan Tindakan. Prosedur ini dilaksanakan sehingga gelung ketiga kajian tindakan, iaitu data yang dikumpul daripada ketiga-tiga gelung kajian tindakan direkod untuk dianalisis. Sesungguhnya, prosedur sistematik ini membolehkan penyelidik menilai perkembangan dan keberkesanan intervensi yang dilaksanakan secara menyeluruh.


Untuk memastikan kelancaran proses kajian, peserta kajian dipilih secara pensampelan bertujuan iaitu murid tahun empat di sekolah rendah daerah Klang (Richards & Morse, 2007; Silverman, 2000; Miles & Huberman, 1994). Pemilihan murid sebagai peserta kajian perlu memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh penyelidik iaitu memiliki pengetahuan dan pengalaman yang mendalam berkaitan dengan isu atau fenomena yang dikaji iaitu berkaitan dengan tajuk Kejiranan (Creswell, 2012; Patton, 2002; Merriam, 2002). Secara amnya, murid-murid dipilih secara rawak seperti yang disyorkan oleh Hammond (2013) untuk mewakili kumpulan murid dari sesebuah kelas. Dalam kajian ini, seramai 12 orang murid tahun empat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan jantina yang mengikuti subjek Pendidikan Moral dipilih sebagai peserta kajian. Ini kerana mereka dapat memberikan maklumat yang relevan mengenai keberkesanan pembelajaran teradun sebagai pendekatan pedagogi dalam pengajaran nilai moral di sekolah rendah.

Bagi memastikan data yang dikumpul dalam kajian ini tepat, dan bersesuaian dengan persoalan kajian, kaedah triangulasi digunakan oleh penyelidik yakni protokol temu bual kumpulan fokus, protokol pemerhatian bilik darjah dan protokol penulisan jurnal. Merriam (2002) berpendapat triangulasi merupakan data yang diperolehi daripada pelbagai sumber yang digunakan oleh penyelidik semasa proses pengumpulan data untuk menjawab persoalan kajian. Dengan ini, pelbagai data dapat dikumpul oleh penyelidik dalam setiap gelungan kajian tindakan yang diperolehi daripada pelbagai sumber bagi menyokong dapatan kajian seperti Jadual 2. Kajian ini menggunakan tiga jenis data iaitu data primer, data sekunder dan data sokongan. Bagi mengumpul data tersebut, tiga teknik utama telah digunakan iaitu temu bual kumpulan fokus, pemerhatian (turut serta dan tidak turut serta), serta jurnal yang ditulis oleh murid.

Jenis data	Instrumen	Teknik pengumpulan data	Jenis item
Primer	Protokol Temu bual	Temu bual kumpulan fokus	Soalan separuh berstruktur
Sekunder	Protokol Pemerhatian di Bilik Darjah	Pemerhatian turut serta	Soalan separuh berstruktur
		Pemerhatian tidak turut serta	Soalan terbuka
Sokongan	Protokol Penulisan Jurnal	Jurnal murid	Soalan bimbingan penulisan jurnal

Jadual 2: Data, Sumber dan Instrumen

Langkah seterusnya, data-data yang dikumpulkan, disusun, dan disediakan untuk dianalisis. Hasil analisis disusun dan direkod dengan teratur bagi memberikan gambaran yang jelas tentang dapatan kajian (Boeije, 2010; Braun & Clarke, 2006; Miles & Huberman, 1994). Akhir sekali, data yang telah diproses dan dianalisis dikumpul bagi menjawab persoalan kajian sepertimana yang telah ditetapkan oleh penyelidik sebelum kajian dijalankan. Dalam kajian ini, analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti, menganalisis, dan melaporkan pola tema atau corak makna dalam satu set data yang merupakan suatu kaedah penyelidikan kualitatif. Tujuan utama analisis tematik adalah untuk mengenal pasti tema-tema utama yang muncul dalam teks dan menyusunnya secara sistematik. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah analisis tematik seperti yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006).




Rajah 3: Carta Alir Analisis Tematik oleh Braun dan Clarke

Berdasarkan Rajah 3, carta alir menerangkan enam langkah analisis tematik yang digunakan berdasarkan pendekatan Braun dan Clarke (2006). Langkah pertama bermula dengan proses pengumpulan data daripada pelbagai sumber seperti temu bual, pemerhatian dan jurnal. Seterusnya, data yang diperolehi diurus dan disusun secara sistematik untuk memudahkan proses analisis. Langkah ketiga melibatkan transkripsi data secara verbatim, iaitu menyalin semula perbualan atau catatan dengan tepat bagi memastikan keaslian maklumat terpelihara. Seterusnya, pengekodan dilakukan dengan mengenal pasti kata kunci atau pola penting dalam data. Langkah kelima melibatkan pembinaan tema dan subtema yang mewakili makna data secara mendalam. Akhir sekali, tema-tema tersebut dibentuk secara menyeluruh dan disemak semula bagi memastikan kesahan serta kebolehpercayaan dapatan kajian. Dengan ini, carta alir memberikan gambaran yang jelas tentang proses analisis data secara berstruktur dan menyeluruh dalam kajian ini.

Dapatan dan Analisis Kajian

Berdasarkan analisis data kajian, dua tema utama telah dikenal pasti bagi menjawab soalan kajian yang memfokuskan kepada sejauh manakah keberkesanan pembelajaran teradun terhadap amalan moral murid sekolah rendah. Dua tema tersebut ialah: (i) membentuk sikap hormat menghormati, dan (ii) memupuk semangat bertanggungjawab (Rajah 4). Kedua-dua tema ini dikenalpasti melalui analisis tematik, dan didapati muncul secara konsisten setiap gelungan kajian tindakan dalam sesi pengumpulan data. Dapatan ini menunjukkan wujudnya perkembangan positif dari segi pemahaman, penghayatan dan pengamalan nilai moral dalam kalangan murid sekolah rendah. Kaedah yang dirancang dalam sesi pembelajaran teradun telah berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang mendorong murid untuk berfikir secara kritis, membuat pertimbangan berdasarkan prinsip moral serta memberikan alasan yang rasional terhadap tindakan yang mereka pilih (Modul Pembelajaran Teradun, 2022). Selain itu, murid juga menunjukkan peningkatan dalam keupayaan menganalisis situasi secara mendalam, membuat keputusan berasaskan nilai, serta menyatakan justifikasi yang kukuh bagi menyokong pilihan tindakan mereka. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran teradun yang dirancang dengan rapi dapat membantu meningkatkan tahap penaaikan moral dan pengamalan nilai dalam kehidupan harian murid. Oleh yang demikian, bahagian seterusnya

membincangkan dengan lebih mendalam keberkesanan pembelajaran teradun dalam proses penerapan amalan moral murid berdasarkan hasil analisis yang telah diperolehi.




Rajah 4: Penghasilan Tema Berdasarkan Persoalan Kajian

Tema 1: Membentuk Sikap Hormat Menghormati

Tema pertama iaitu membentuk sikap hormat menghormati, yang dihasilkan melalui dua sub tema iaitu meminta maaf serta menghormati hak privasi (Rajah 5). Dalam kajian ini, pembentukan sikap hormat-menghormati antara satu sama lain merupakan elemen penting dalam usaha membina sahsiah moral yang seimbang dan harmoni dalam kalangan murid. Nilai ini mencerminkan norma sosial yang mengutamakan keharmonian dan hubungan baik antara anggota komuniti, terutamanya dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya (Hashim et al., 2020). Dalam kerangka amalan moral, sikap hormat-menghormati merupakan satu cara penghargaan terhadap hak, perasaan, dan kedudukan individu lain.

Dalam konteks kajian ini, murid berpeluang menilai dan mengamalkan sikap ini bagi memastikan interaksi sosial yang harmoni dapat diwujudkan bersama jiran tetangga, dan juga masyarakat sekeliling dalam keadaan harmoni. Sikap hormat menghormati terhadap jiran diterjemahkan melalui pelbagai bentuk perlakuan positif seperti bertutur dengan bahasa yang sopan, membantu jiran ketika dalam kesusahan, menjaga ketenteraman kawasan kejiranan, serta menghormati kepelbagaian latar belakang budaya dan kepercayaan. Nilai hormat menghormati merupakan salah satu tonggak penting dalam pembentukan akhlak murid bermula daripada sekolah rendah lagi. Dengan ini, ia perlu dipupuk secara berterusan agar murid dapat berinteraksi secara positif dengan orang sekeliling, menghormati perbezaan dan menerima pandangan rakan sebaya dengan baik. Lantaran itu, hasil analisis data menunjukkan bahawa pembelajaran teradun telah membantu meningkatkan pemahaman dan penghayatan murid terhadap nilai hormat menghormati, terutamanya apabila digabungkan dengan aktiviti yang melibatkan interaksi sosial dan berbantuan teknologi.



Rajah 5: Penghasilan Tema 1 dan Sub Tema Berdasarkan Persoalan Kajian

Bagi sub tema pertama iaitu meminta maaf diluahkan oleh murid semasa berinteraksi dalam aktiviti pembelajaran secara bersemuka mahupun dalam talian. Amalan meminta maaf diujahkan oleh murid berdasarkan pemahaman mereka terhadap situasi yang dibincangkan. Melalui sesi pemerhatian, didapati bahawa murid semakin beradab dalam tingkah laku dan pertuturan ketika menangani konflik moral yang berlaku antara jiran. Sebagai contoh, dalam aktiviti menjana idea menggunakan gambar bertemakan kejiiran, guru memaparkan situasi berpindah rumah, menziarahi jiran dan menolong jiran sakit. Dalam sesi pembentangan, murid memberikan respon secara spontan, seperti "kita kena minta maaf jika tidak datang menolong jiran pindah rumah, itu tanda kita hormat mereka," menunjukkan pemahaman terhadap konteks nilai yang ingin disampaikan kepada kelas.

Di samping itu, pembelajaran teradun yang digunakan turut memperkukuh penguasaan nilai moral iaitu meminta maaf antara jiran. Sesi temu bual, mendapati aktiviti dalam talian seperti kuiz interaktif menggunakan Quizizz memaparkan situasi harian yang menuntut murid membuat pilihan berasaskan nilai. Situasi seperti "cara menegur jiran baharu" atau "pilihan cara meminta maaf antara jiran" serta "kesan meminta maaf terhadap jiran" yang memerlukan murid mempertimbangkan pilihan yang paling beretika. Murid memberikan pandangan bahawa kuiz interaktif bukan sahaja mereka dapat belajar dengan seronok sambil membantu menguasai kemahiran nilai dengan cepat serta berkesan, malah mereka didedahkan kepada aplikasi nilai dalam konteks kehidupan sebenar. Murid juga menyokong bahawa paparan skor dapat membantu mereka menguasai nilai-nilai moral yang dipelajari dengan lebih mendalam dan meningkatkan motivasi untuk terus mempelajari nilai-nilai moral yang lain. Dapatan ini bersesuaian dengan kajian Md Fadzil dan Zamri (2020) menyatakan bahawa gamifikasi bukan sahaja menyeronokkan, malah mencetuskan semangat kolaboratif dan tanggungjawab bersama dalam kalangan murid. Dapatan ini juga disokong oleh Inganah et al. (2023) pendidikan merupakan proses untuk melengkapkan murid dengan aktiviti pembelajaran yang membolehkan mereka terlibat secara aktif dan bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan oleh guru.


Manakala, sub tema kedua iaitu menghormati hak privasi, murid memahami hak-hak berjiran yang bersesuaian dengan norma masyarakat. Dalam sesi temu bual, murid dapat meluahkan hak kejiiran, khususnya hak privasi. Murid juga mengetahui cara yang sesuai untuk menjaga batasan terhadap jiran tetangga. Selain itu, murid menyuarakan cara-cara menghormati jiran

iaitu tidak membuat bising melampau sehingga mengganggu ketenteraman jiran. Ini menunjukkan perkembangan dalam domain afektif yang berkait rapat dengan nilai menghormati hak jiran. Ini membuktikan bahawa pembelajaran teradun bukan sahaja memberi ruang untuk perkembangan kognitif, tetapi juga menggalakkan perkembangan afektif yang seimbang dalam kalangan murid. Hal ini disokong oleh Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky, yang menekankan bahawa interaksi sosial dengan rakan sebaya dan guru dalam Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) mampu membimbing murid untuk memahami nilai moral secara lebih mendalam dengan bantuan bahan bantu belajar (BBB) yang berperanan sebagai perancah. Dengan ini, guru sebagai fasilitator yang membimbing murid melalui soal jawab, nota perbincangan, dialog moral dan aktiviti refleksi. Dalam konteks ini, nilai hormat menghormati dibentuk secara beransur melalui bimbingan dan bantuan perancah dalam persekitaran pembelajaran yang selamat dan kondusif.

Secara keseluruhannya, pembentukan sikap hormat menghormati dalam kalangan murid dapat dilihat melalui peningkatan keupayaan mereka dalam menzahirkan tingkah laku sopan seperti amalan meminta maaf dan menghormati hak privasi jiran. Tindak balas murid terhadap situasi moral yang dibincangkan menunjukkan kemampuan mereka untuk berfikir secara munasabah dan mempertimbangkan perspektif orang lain sebelum membuat pertimbangan moral. Kajian ini turut memaparkan keberkesanan pembelajaran teradun seperti perbincangan nota dan aktiviti kumpulan yakni pemupukan nilai hormat dalam bilik darjah dapat diperkukuh melalui interaksi sosial yang berstruktur serta bimbingan guru secara konsisten. Kajian oleh Rahayu et al. (2020), pendekatan pengajaran yang menggabungkan elemen moral dalam konteks kehidupan sebenar membantu murid membina kefahaman yang lebih mendalam dan bersifat autentik terhadap nilai yang diajar. Justeru, penerapan nilai hormat melalui aktiviti pembelajaran yang bersifat kontekstual dan interaktif amat berkesan dalam pembentukan sahsiah murid pada peringkat sekolah rendah. Jelaslah, amalan hormat-menghormati antara jiran bukan sahaja memperkukuh jalinan sosial, malah menjadi asas kepada perpaduan dan keamanan dalam komuniti yang berbilang budaya (Salleh et al., 2021).

Tema 2: Memupuk Semangat Bertanggungjawab

Melalui sesi pembelajaran teradun, tema kedua iaitu memupuk semangat bertanggungjawab, yang diterjemahkan melalui dua sub tema iaitu tolong-menolong, dan bekerja bersama-sama dihasilkan (Rajah 6). Tema kedua ini dihasilkan bagi menyokong persoalan kajian iaitu penerapan amalan moral murid sekolah rendah dalam Pendidikan Moral. Nilai tanggungjawab merupakan elemen penting dalam pembentukan peribadi murid yang beretika dan berdisiplin. Dalam konteks Pendidikan Moral, nilai tanggungjawab bukan sekadar berkaitan dengan tugas sekolah semata-mata, tetapi merangkumi kesedaran murid terhadap peranan mereka sebagai ahli masyarakat, termasuk dalam hubungan kejiranan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran teradun berkesan dalam memupuk semangat bertanggungjawab melalui aktiviti yang dirancang secara berstruktur dan bersifat autentik.



Rajah 6: Penghasilan Tema 2 dan Sub Tema Berdasarkan Persoalan Kajian

Sub tema pertama iaitu tolong-menolong dalam konteks kejiranan merujuk kepada keupayaan murid untuk memikul tanggungjawab bersama dalam menyelesaikan tugas yang diberikan, berdasarkan pemahaman masing-masing. Berdasarkan penulisan jurnal dan temu bual, murid menunjukkan peningkatan dalam kesediaan menjalankan tugas yang diberikan dengan sikap yang lebih berdedikasi. Melalui penulisan jurnal, murid menyatakan pentingnya membantu jiran dan menjaga kebersihan kawasan rumah bersama-sama untuk kelihatan bersih dan ceria. Selain itu, tayangan video pendek, murid diminta berkongsi pengalaman mengikuti aktiviti gotong-royong, murid dilihat aktif berkongsi pengalaman secara kelas. Dalam catatan jurnal, murid menyatakan bahawa sikap tolong-menolong penting semasa aktiviti gotong-royong di taman perumahan supaya kerja cepat disiapkan serta amalan yang baik untuk diamalkan.

Dalam sesi pembelajaran dalam talian pula, penggunaan aplikasi Wordwall telah digunakan untuk menilai kefahaman murid terhadap amalan tolong-menolong terhadap jiran, seperti berkongsi tugas menjaga kebersihan kawasan rumah, membantu jiran yang sakit, dan menjaga harta benda bersama-sama. Melalui sesi temu bual, murid menyatakan bahawa memahami konsep tanggungjawab terhadap jiran apabila soalan-soalan yang dikemukakan dalam kuiz bersifat kontekstual, memerlukan mereka membuat keputusan berdasarkan prinsip moral. Contohnya, dalam soalan aplikasi Wordwall, murid memilih tindakan seperti membantu jiran yang baru berpindah atau menasihati rakan yang membuang sampah merata-rata di kawasan rumah, yang menunjukkan pemikiran yang rasional serta keupayaan menilai tindakan yang sesuai dengan konflik moral yang dihadapinya. Pemarkahan secara dalam talian serta maklum balas yang segera selepas kuiz dilaksanakan, memberikan motivasi dan galakan kepada murid untuk meningkatkan prestasi mereka dalam tajuk nilai tanggungjawab terhadap jiran. Ini jelas menunjukkan keupayaan murid untuk menilai tindakan serta memberikan ulasan yang logik terhadap pilihan mereka menunjukkan perkembangan dalam penaakulan moral dan amalan moral, selari dengan domain afektif yang memberi penekanan terhadap kesedaran dan keprihatinan emosi.

Bagi sub tema kedua iaitu bekerja bersama-sama turut diujahkan oleh murid dalam sesi pembelajaran teradun. Dalam catatan jurnal, murid menggambarkan amalan bekerja bersama-sama melalui pengalaman sebenar seperti bergotong-royong dan membantu jiran yang berpindah rumah, yang jelas mencerminkan tindakan proaktif dan keprihatinan sosial dalam kalangan murid. Aktiviti seperti menyapu sampah, membersihkan longkang dan mengangkat barang bukan sahaja memperkukuhkan nilai-nilai moral, malah turut memupuk semangat kerjasama dan sikap empati terhadap orang lain. Ini menunjukkan murid bukan sahaja memahami konsep nilai, tetapi juga sedar akan tindakan-tindakan yang diambil boleh membina hubungan baik antara jiran dan menyumbang kepada suasana kejiranan yang harmoni. Tambahan pula, penulisan jurnal murid menunjukkan bahawa mereka dapat mengenal pasti tindakan yang mencerminkan sikap bertanggungjawab terhadap jiran serta memahami kesan tingkah laku terhadap persekitaran sosial.

Dalam konteks ini, pembelajaran teradun merupakan inovasi pedagogi yang berkesan memperkukuhkan penguasaan kandungan, tetapi turut berupaya membina kemahiran komunikasi, pemikiran kritis, dan literasi digital dalam kalangan murid sekolah rendah. Secara keseluruhannya, penulisan jurnal ini memberikan gambaran positif terhadap kesedaran moral murid, khususnya dalam mempraktikkan nilai bekerja bersama-sama, yang menjadi asas penting dalam pembentukan sikap tanggungjawab sosial dan hubungan kemasyarakatan dalam kalangan murid sekolah rendah dan seterusnya dijadikan amalan dalam kehidupan seharian mereka.

Manakala, sesi pemerhatian menunjukkan murid mampu menyenaraikan aktiviti yang dilakukan bersama-sama jiran seperti jiran yang baharu berpindah masuk rumah, menghantar jiran yang sakit serta mengutip sumbangan untuk jiran yang ditimpa musibah yakni sesi pembentangan. Hujahan ini menunjukkan bahawa murid memahami sikap bertanggungjawab terhadap jiran dengan betul. Jelaslah, aktiviti pembelajaran teradun ini tidak hanya memberi ruang kepada murid untuk memahami nilai secara kognitif, malah mendorong mereka mengamalkan nilai tersebut dalam kehidupan seharian. Ini kerana prinsip pembelajaran teradun yang menekankan pembelajaran berpusatkan murid yang bertujuan membantu murid menguasai nilai-nilai yang dipelajari. Ini selari dengan kajian oleh Choi et al. (2020) mendapati bahawa aktiviti pembelajaran yang berfokus dan berpusatkan murid dapat membantu menguasai kemahiran yang dipelajari oleh mereka. Ini menepati prinsip Teori Konstruktivisme Vygotsky (1978), di mana murid belajar dengan lebih efektif melalui interaksi bersama guru dan rakan dalam persekitaran pembelajaran yang menyokong perkembangan sosial dan moral.

Sehubungan dengan itu, hasil kajian telah membuktikan bahawa pembelajaran teradun yang menggabungkan teknologi dengan pengajaran bersemuka membantu membentuk sikap hormat menghormati serta semangat bertanggungjawab terhadap jiran dalam kalangan murid secara menyeluruh. Secara keseluruhannya, persekitaran pembelajaran yang interaktif dan berpusatkan murid terbukti memberi kesan positif terhadap perkembangan amalan moral dalam kalangan murid. Dapat disimpulkan, dapatan kajian menunjukkan bahawa apabila murid terlibat secara aktif dalam perbincangan kumpulan, refleksi nilai dan tugasan berasaskan situasi, mereka lebih cenderung menunjukkan keprihatinan terhadap peranan sosial dan kesan tindakan mereka. Ini selaras dengan prinsip pembelajaran teradun yang menekankan pendekatan fleksibel dan pelibatan murid secara langsung, sejajar dengan keperluan Pembelajaran Abad ke-21 (Modul Pembelajaran Teradun, 2022). Justeru, pembelajaran

teradun bukan sahaja menyokong penguasaan kandungan, malah turut membina asas moral yang kukuh untuk diaplikasikan dalam kehidupan harian.

Kesimpulan dan Sumbangan

Secara keseluruhannya, penemuan ini membuktikan bahawa pembelajaran teradun berkesan dalam membentuk serta mengukuhkan amalan moral murid sekolah rendah, khususnya dalam membentuk sikap hormat-menghormati dan memupuk semangat dalam kalangan murid sekolah rendah. Dapatan kajian ini turut menyokong penyelidikan terdahulu bahawa pembelajaran teradun bukan sahaja meningkatkan pencapaian akademik, malah menyumbang kepada pembangunan sahsiah dan nilai moral yang kukuh dalam kalangan murid. Ini disokong Haug dan Mork (2021) pembelajaran abad ke-21 yang menuntut murid bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah berupaya membuat keputusan secara bertanggungjawab dan beretika dalam kehidupan seharian mereka. Dengan ini, kaedah pembelajaran teradun mewujudkan ekosistem pembelajaran yang fleksibel, interaktif dan bermakna, dengan menggabungkan kekuatan pembelajaran secara bersemuka serta dalam talian (Kasturi & Norasmah, 2022). Oleh itu, pembelajaran teradun terbukti sebagai kaedah pedagogi yang bukan sahaja relevan dalam era digital, malah berupaya menjadi pemangkin pembentukan murid yang berakhlak mulia secara holistik. Perkara ini sejajar dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta selari dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 untuk melahirkan insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Berdasarkan keberkesanan yang telah dibincangkan, kajian ini memberikan beberapa sumbangan penting kepada amalan pendidikan, khususnya dalam memperkasa pendekatan pengajaran Pendidikan Moral melalui pembelajaran teradun dalam menerapkan nilai-nilai moral dalam kalangan murid sekolah rendah. Seiring dengan dapatan yang menunjukkan keberkesanan pembelajaran teradun dalam meningkatkan amalan moral murid sekolah rendah, kajian ini turut memberikan sumbangan yang memberikan impak positif kepada bidang pendidikan dari segi teori, amalan dan dasar. Kajian ini bukan sahaja mengesahkan potensi pembelajaran teradun sebagai pendekatan pedagogi yang berkesan, malah memperkukuh pelaksanaan Pendidikan Moral yang lebih interaktif, kontekstual dan berfokuskan murid. Secara tidak langsung, hasil kajian ini memberikan impak kepada murid, menjadi rujukan kepada guru, pentadbir sekolah serta pembuat dasar dalam merancang serta menambah baik strategi pengajaran yang selari dengan tuntutan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan prinsip Pembelajaran Abad ke-21.

Bagi murid, pembelajaran teradun menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih menarik, bersepadu dan bersifat autentik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid dapat mengembangkan sikap positif terhadap nilai-nilai moral seperti tanggungjawab, hormat-menghormati dan empati apabila mereka terlibat secara aktif dalam tugas berasaskan situasi sebenar perbincangan kumpulan dan refleksi sendiri serta penilaian sendiri. Ini disokong oleh teori Konstruktivisme Vygotsky yang menekankan peranan interaksi sosial dan sokongan guru dalam membentuk perkembangan kognitif serta penghayatan nilai moral. Maka, penggunaan teknologi dan kolaborasi rakan sebaya, murid lebih cenderung untuk berfikir secara kritis, membuat pertimbangan moral dan memberikan justifikasi yang rasional terhadap tindakan mereka. Sehubungan dengan itu, pembelajaran teradun memberikan peluang kepada guru untuk memperkaya strategi pengajaran dengan gabungan kaedah konvensional dan digital. Melalui kaedah ini, guru dapat merancang aktiviti pembelajaran yang lebih fleksibel, interaktif dan berpusatkan murid. Selain itu, pembelajaran teradun dapat memperkasa guru dalam

memanfaatkan teknologi pendidikan untuk menyampaikan isi kandungan moral secara lebih bermakna dan kontekstual serta bermakna. Di samping itu, pembelajaran teradun dapat meningkatkan kemahiran pedagogi guru khususnya dalam perancangan bahan digital, pelaksanaan aktiviti kolaboratif, serta penilaian berterusan terhadap perkembangan sahsiah murid. Seterusnya, potensi pembelajaran teradun dapat menyumbang kepada usaha pemantapan dasar pendidikan negara, terutamanya dalam menjayakan agenda transformasi pendidikan seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025.

Dapat disimpulkan bahawa, hasil kajian ini memberikan bukti empirikal bahawa pendekatan pedagogi yang inovatif dan kreatif seperti pembelajaran teradun mampu meningkatkan kualiti pengajaran dan keberkesanan penerapan nilai-nilai moral di peringkat sekolah rendah. Ini disokong oleh kajian Simah et al. (2021) pembelajaran teradun membolehkan murid belajar dalam persekitaran yang lebih fleksibel dan kondusif. Bagi Nordin et al. (2021) sistem pendidikan perlu ditambah baik dengan elemen-elemen yang bersesuaian peredaran zaman. Kajian Habidin et al. (2021) mencadangkan latihan dan kursus berkaitan teknologi yang dianjurkan adalah satu usaha untuk membantu guru menguasai pelbagai kaedah pembelajaran maya. Secara tidak langsung, penggubal dasar boleh menjadikan dapatan ini sebagai asas dalam merangka polisi, membangunkan kurikulum digital yang lebih holistik serta merancang latihan profesional berterusan kepada guru agar selari dengan tuntutan pendidikan abad ke-21. Oleh itu, kaedah ini wajar menjadi sebahagian daripada transformasi pendidikan di sekolah rendah. Seiring dengan arus perubahan, guru dan institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam melahirkan murid yang berfikiran rasional, berkepekaan moral, serta bersedia menghadapi cabaran global. Pendekatan ini juga selaras dengan hasrat Dasar Pendidikan Negara dan KSSR yang menekankan pembangunan murid secara holistik ke arah melahirkan insan berakhlak, kritis, kreatif dan berkemahiran insaniah.

Penghargaan

Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, saya dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna. Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Nadarajan Thambu yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan, dan nasihat sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pentadbir, guru, dan murid sekolah rendah yang terlibat dalam menjayakan kajian saya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Putrajaya, kerana memberikan kebenaran dan sokongan kepada saya untuk menjalankan kajian di sekolah yang dipilih. Tidak dilupakan, terima kasih kepada rakan seperjuangan yang banyak memberikan tunjuk ajar serta berkongsi maklumat berkaitan kajian untuk dijadikan panduan dalam menyempurnakan kajian ini. Ucapan terima kasih yang istimewa saya tujukan kepada suami tercinta, En. Zaimi Sabri, dan seluruh ahli keluarga yang tidak jemu-jemu memberikan sokongan moral sepanjang saya menjalankan kajian ini. Akhir sekali, semoga Allah S.W.T memberikan keberkatan atas segala sokongan dan kerjasama yang telah dihulurkan. Semoga penyelidikan ini dapat dijadikan asas untuk menyokong dalam pelaksanaan Pendidikan Abad ke-21 yang berbantuan teknologi.

Rujukan

- Abdul, M. A., Ismail, H., Mohamad, I., & Osman, Z. (2019). Perkembangan emosi kanak-kanak menggunakan kaedah pengajaran berasaskan aktiviti muzik. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 8, 17-23. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol8.3.2019>.
- Ahmad Zaki, A., Zulazhan Ab, H. & Nurkhamimi, Z. (2020). Kesiediaan pelajar generasi z di universiti Malaysia Kelantan dalam pembelajaran teradun Bahasa Arab dalam era IR4.0. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 22(1):86-95.
- Anthony, B., Kamaludin, A., & Romli, A. (2021). Predicting academic staffs behaviour intention and actual use of blended learning in higher education: model development and validation. *Technology, Knowledge, and Learning*. <https://doi.org/10.1007/s10758-021-09579-2>.
- Bawani, Chandrasakeram. (2022). Teknik pengajaran Pendidikan Moral di Sekolah Kebangsaan Tamil dalam Bandar Seremban. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 58–62. <https://doi.org/10.33306/mjssh/214>.
- Boeije, H. (2010). *Analysis in qualitative research*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research psychology*, 3, 77-101.
- Choi, Hyun Chi, Tukiran Martinus, Agus Purwanto, Masduki Asbari, and Priyono Santoso. (2020). "Piaget Versus Vygotsky: Implikasi antara Persamaan dan Perbedaan." *Journal of Management Research* 286-293.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Boston: Pearson Education.
- Falsafah Pendidikan Kebangsaan. (1988). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Gillies, R. M. (2019). Promoting academically productive student dialogue during collaborative learning. *International Journal of Educational Research*, 97, 200-209.
- Habidin, N. F., Chik, T. W. T., Muhamad, U. A., Ong, S. Y. Y., & Malim, T. (2021). Cabaran Semasa Dan Inovasi Dalam Sistem Pembelajaran Dan Pendidikan. *Tanjung Malim: Kaizentrenovation Sdn Bhd*.
- Hammond, N. (2013). Introducing Forum theatre to elicit and advocate children's views. *Educational Psychology in Practice*, 29(1), 1-18. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.1080/02667363.2012.733309>.
- Hashim, S., Masek, A., Abdullah, N. S., Paimin, A. N., & Muda, W. H. N. W. (2020). Students' intention to share information via social media: A case study of COVID-19 pandemic. *Indonesian journal of science and technology*, 5(2), 236-245.
- Haug, B. S., & Mork, S. M. (2021). Taking 21st century skills from vision to classroom: What teachers highlight as supportive professional development in the light of new demands from educational reforms. *Teaching and Teacher Education*, 100. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2021.103286>.
- Idriki, N. A. M., & Tan, B. P. (2022). Aplikasi pembelajaran abad ke-21 dalam talian: cabaran guru Pendidikan Moral [21st century online learning applications: the challenge of Moral Education teachers]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 16-35.
- Inganah, S., Darmayanti, R., & Rizqi, N. (2023). Problems, solutions, and expectations: 6C integration of 21st century education into learning mathematics. *Solutions, and Expectations: 6C Integration of 21st Century Education into Learning Mathematics (March 06, 2023)*.
- Kasturi Rajan & Norasmah Othman. (2022). Pengetahuan dan kemahiran teknologi maklumat serta komunikasi guru terhadap prestasi subjek Perniagaan murid sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 7(1): 204-215.

- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2017). Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Keempat). KPM. <https://www.moe.gov.my>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah). Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The action research planner*. Geelong, Victoria, Australia: Deakin University Press.
- Krismadinata, Unung Verawardina, Nizwardi Jalinus, Fahmi Rizal, Sukardi, Putu Sudira, Dochi Ramadhani, Arina Luthfini Lubis, John Friadi, Ari Syaiful Rahman Arifin, Dony Novaliendry. (2020). Blended learning as instructional model in vocational education: literature review. *Universal Journal of Educational Research* 8(11B): 5801 - 5815. doi: 10.13189/ujer.2020.082214.
- Lickona, T. (1991). *Educating for Character: How Our Schools Can Teach Respect and Responsibility*. New York: Bantam Books.
- Lickona, T. (1993). The return of Character Education. *Education Leadership*, 51(3). Retrieved from www.ased.org/readingroom/edlead/9311/lickona.html
- Lickona, T. (1996). Eleven Principles of Effective Character Education. *Journal of Moral Education*, 25(1), 93–100. <https://doi.org/10.1080/0305724960250110>.
- Md Fadzil Masri & Zamri Mahamod. (2020). Keberkesanan Kaedah Flipped Classroom Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengolah Isi Karangan Murid-Murid Sekolah Rendah. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, Vol. 6
- Merriam, S. B. (2002). *Qualitative research practice: Examples for discussion and analysis*. San Francisco, CA: Jossey-Bass. *methods*. London, UK: Sage.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis: A sourcebook of new methods*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Modul Pembelajaran Teradun. (2022). Bahagian Pembangunan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Aizat Abu Hassan & Kamarudin Musa. (2020). Tahap Profesionalisme Guru Sekolah Kebangsaan di Semenanjung Malaysia, *Management Research Journal*. Vol. 9 No 2. 37-45.
- Muhammad Iqbal Samadi & Noorzaid Muhammad. (2018) . Etika sosial dalam manhaj pembentukan dan ketrampilan sahsiah pelajar yang unggul berteraskan surah Al-Hujurat. *Proceedings of the 5th International Conference On Research in Islamic Education and Arabic Language 2018 (ICRIALE 2018)*, hlm. 255-263.
- Nadarajan Thambu. (2023). Kajian Tindakan Dalam Pendidikan Moral. *Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- Nor Saadah Azahari & Nik Mohd Rahimi. (2022). Amalan Pembelajaran Teradun Sebagai Satu Pendekatan Pembelajaran Norma Baharu. (2022). *Jurnal Dunia Pendidikan*. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.14>.
- Nordin, A. S. M., Alias, B. S., & Mahamod, Z. (2023). Pendigitalan Pendidikan. *Jurnal Nucci*, L. P. (2001). *Education in the moral domain*. Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511605987>.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail & Wan Mohd Khairul Wan Isa. (2020). Peranan Dan Cabaran Pemimpin Pendidikan Dalam Memastikan Matlamat Dan Agenda Pendidikan Dilestari Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (Pkp) Covid-19.

- Ravendran, D. R. & Daud, Y. (2020). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Guru Matematik Sekolah Rendah Dalam PDPC. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 1(3), 24-33.
- Reaves, J. (2019). 21st -Century Skills And The Fourth Industrial Revolution: A Critical Future Role For Online Education. *International Journal on Innovations in Online Education*.
- Richards, L., & Morse, J. M. (2007). *Readme first for a user's guide to qualitative methods*. London, UK: Sage.
- Saputro, A. D., Atun, S., Wilujeng, I., Ariyanto, A. & Arifin, S. (2020). Enhancing Pre-Service Elementary Teachers' Self-Efficacy and Critical Thinking using Problem-Based Learning. *European Journal of Educational Research*, 9(2), 765-773.
- Silverman, D. (2000). *Doing qualitative research: A practical handbook*. Thousand
- Simah Mamat, Che Aleha Ladin, Azni Yati Kamaruddin, Intan Marfarrina Omar & Nor Asiah Ismail, .(2021). Covid-19: Cabaran dan Inisiatif dalam Mendepani Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Teradun. *Sains Insani*, 6(2).
- Simpson-Yap, S., De Brouwer, E., Kalincik, T., Rijke, N., Hillert, J. A., Walton, C., ... & Peeters, L. (2021). Associations of disease-modifying therapies with COVID-19 severity in multiple sclerosis. *Neurology*, 97(19), e1870-e1885.
- Terence, L., & Kerry, D. (2018). Testing and Measuring the Impact of Character Education on the Learning Environment and Its Outcomes. *Journal of Character Education*, 14 (2), 1–22.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind In Society*. United States of America: Harvard University Press.
- Wijayanti, R., Hermanto, D., & Zainudin, Z. (2019). Efektivitas Penggunaan Pendekatan Pembelajaran Realistic Mathematic Education (Rme) Dengan Berbantuan Media Pembelajaran Aplikasi Kahoot. *Sigma*, 4(3), 1. <https://doi.org/10.36513/sigma.v4i3.640>.
- Yusof, H., Noor, M. A. M., Jalil, N. A., Mansor, M., & Awang, M. (2018). Nurturing Moral Values in Primary School. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(7), 1144–1156.